

**TEKS UCAPAN MENTERI
MAJLIS SIMFONI ALAM
SEMPENA MENYAMBUT HARI HABITAT SEDUNIA 2008 &
HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2008**

05 November 2008, PICC, Putrajaya

Yang Berusaha Pengacara Majlis;

Yg.Bhg. Datuk Robert Lau Hoi Chew
Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

Yg.Bhg. Berbahagia Datuk Hamzah Zainuddin
Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

Y.Bhg. Dato' Mohd. Fadzil bin Haji Mohd. Khir
Ketua Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia;

Dif-Dif Jemputan,
Para Pembentang Kertas Kerja Seminar,
Para Peserta, Tuan-Tuan & Puan-Puan serta Hadirin Sekalian;

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur diatas jemputan untuk makan malam sempena sambutan Hari Habitat Sedunia dan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2008 serta pelancaran Seminar Kebangsaan yang bertajuk "The Way Forward In Sustainability" serta pameran pada hari esok.

Yg.Bhg. Dato'/Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Saya difahamkan, malam simfoni alam melambangkan satu suasana keharmonian diantara semua makhluk samaada manusia, binatang atau tumbuh-tumbuhan yang hidup dalam suatu keadaan keseimbangan (*equilibrium*) sehingga seolah-olah menghasilkan satu simfoni. Sekiranya simfoni atau keharmonian ini terganggu, maka wujudlah ketidakseimbangan atau timbulnya risiko-risiko atau bencana.

Tujuan malam simfoni alam ini adalah untuk kita menghayati keharmonian atas simfoni tersebut dan sama-sama menanam komitmen serta kesedaran bagi mengekalkan pertalian tersebut.

Seperti yang kita sedia maklum, Hari Habitat Sedunia merupakan agenda tahunan yang disambut pada minggu pertama bulan November dan manakala Hari Perancangan Bandar Sedunia pula telah menetapkan suatu hari khas yang disambut pada 8 November setiap tahun dengan matlamat

antara lainnya memastikan persekitaran kita dapat dijaga dengan lebih baik, terancang dan mesra alam, demi kesejahteraan rakyat.

Pemilihan tema Hari Habitat Sedunia 2008 iaitu 'Bandar Sejahtera' atau 'Harmonious Cities' adalah bertepatan dengan laungan Pertubuhan Antarabangsa mengenai isu-isu perbandaran yang telah membawa impak terhadap persekitaran, peningkatan kawasan sesak serta kemiskinan bandar yang ketara agar dapat kita renung bersama supaya ianya dapat ditangani bagi memastikan masyarakat kita sama ada di bandar ataupun desa dapat menikmati suatu kehidupan yang lebih baik dan sejahtera.

Hari Perancangan Bandar Sedunia 2008 pula memilih tema "Perancangan Ke Arah Kemampanan" adalah lebih memberi fokus kepada sumbangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia terhadap Pembangunan Mampan dari aspek Perancangan Bandar dan Desa.

Bagi menjayakan misi bandar sejahtera dan pembangunan mampan ini, pelbagai program telah dianjurkan sama ada di peringkat nasional mahupun di peringkat antarabangsa. Salah satu program yang telah membawa Malaysia turut serta di peringkat antarabangsa ialah melalui Persidangan Kemuncak di Rio 1992 yang mana telah menghasilkan satu dokumen pelan tindakan atau program pelaksanaan pembangunan mampan yang dikenali sebagai "Agenda 21".

Kerajaan Malaysia dalam menyahut cabaran ini, telah menjalankan pelbagai program bagi memberi penekanan terhadap kesedaran awam dan pihak-pihak berkepentingan yang lain mengenai alam semulajadi. Ini termasuklah 'Program Cintai Sungai Kita', 'Program Menanam Pokok Negara' serta pelaksanaan konsep-konsep perancangan dan pengurusan bandar seperti 'Bandar Selamat', 'Bandar Sihat' dan 'Bandar Sejahtera'.

Yg.Bhg. Dato'/Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan amat komited ke arah mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa dan selamat. Kerajaan melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah melaksanakan pelbagai program pembangunan bukan sahaja di dalam bandar tetapi juga di kawasan desa. Sehubungan itu, tahniah dan syabas kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan yang selama ini memberikan penekanan dan komitmen yang tinggi bagi memastikan kawasan pentadbiran masing-masing mampu menyahut seruan kerajaan.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan kepada pihak swasta yang turut memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan negara secara menyeluruh. Kalau dahulu kita hanya menumpukan bangunan rumah semata-mata, tetapi kini persekitaran kediaman yang indah dan selesa diberikan keutamaan yang seimbang. Justeru itu, saya menyeru

supaya semua pihak jelas terhadap peranan serta komitmen masing-masing dalam meningkatkan kesedaran serta minat orang ramai mengenai pemeliharaan alam sekitar.

Tanpa kita menjayakan Visi Kerajaan untuk menjadikan negara kita maju tetapi seimbang dari segi pembangunan persekitaran yang bersih, selamat dan selesa, pembangunan mampan yang kita cita-citakan akan terus tenggelam dibawa arus pembangunan yang sia-sia. Bebanan kewangan Kerajaan akan terus meningkat ketika itu apabila ia perlu mencari kaedah penyelesaian terbaik untuk memperbaiki keadaan atau gejala pembangunan yang telah berlaku.

Sempena majlis kita pada malam ini yang berkonsepkan "**Nature's Symphony Night**", yang bertemakan ***Cinta Kepada Alam Semulajadi, Alam Sekitar dan Kehidupan Yang Harmoni***, saya ingin membawa Yg.Bhg. Dato'/Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian merenung sejenak, mengimbuai kehidupan kita di masa lampau dengan suasana persekitaran yang indah, pokok yang segar menghijau, kicauan burung yang mengasyikkan dan sungai yang mengalir jernih. Saya percaya bahawa kita semua menginginkan suasana yang sejahtera dan mendamaikan.

Yg.Bhg. Dato'/Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Rakyat Malaysia adalah rakyat yang amat bertuah. Negara kita Malaysia bukan sahaja dianugerahkan dengan keharmonian rakyatnya tetapi juga kekayaan alam semulajadi. Hutan Hujan Tropika Malaysia merupakan antara hutan yang tertua di dunia dan kaya dengan kepelbagaian flora dan fauna. Daripada sebuah negara dunia ketiga yang sering dikaitkan dengan kemunduran, Negara kita kini sedang mengorak langkah untuk menjadi negara maju. Pelbagai pembaharuan sedang berlaku, daripada sebuah negara pertanian, Malaysia kini dikenali sebagai koridor pembangunan teknologi dan secara tidak langsung pembangunan ini menuntut kepada perubahan status persekitaran. Jika tidak ditangani dengan betul persekitaran hidup yang penuh kehijauan ini akan berubah menjadi hutan batu yang dipenuhi dengan pokok konkrit.

Kerajaan juga amat prihatin terhadap perubahan ini dan telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan alam semulajadi tetap terpelihara dan setiap pembangunan mengamalkan prinsip pembangunan mampan di mana pembangunan dan alam sekitar dibangunkan secara seimbang untuk mencapai suatu kualiti hidup yang menyeluruh. Pembangunan landskap secara menyeluruh adalah satu langkah Kerajaan untuk memastikan pembangunan alam sekitar yang mampan. Kerajaan sedar, status negara maju tidak akan tercapai tanpa disertai dengan pembangunan landskap yang berkualiti.

Kesempatan ini saya menyeru kepada semua pihak yang terlibat terutama sekali kepada Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Malaysia supaya memperkukuhkan lagi peranan dan tanggungjawab dengan memberi keutamaan serta penekanan terhadap tiga aspek ini iaitu:

- i. Merangka dan melaksanakan program dan projek yang dapat meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di kawasan masing-masing;
- ii. Memelihara kawasan sensitif alam sekitar dan kepentingan bagi memastikan waris generasi kita di masa akan datang masih kekal menikmati apa yang ada sekarang terutamanya kawasan alam semulajadi, warisan sejarah dan nilai budaya; dan
- iii. Membantu membangunkan komuniti agar saling menghormati di antara kaum dan kepercayaan untuk menjamin sebuah masyarakat majmuk yang harmoni dan bertoleransi.

Yg.Bhg. Dato'/Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Sikap keterbukaan dan ketelusan ini adalah selaras dengan konsep pembangunan mampan iaitu "Plan by the people, with the people and for the people" yang bermaksud perancangan oleh rakyat, bersama rakyat dan untuk rakyat. Semoga ia dapat diaplikasikan dalam perancangan pembangunan bandar di negara ini dan semoga usaha murni yang kita lakukan ini memperoleh keredhaan dan keampunan dari yang Maha Esa.

Saya berharap sambutan yang diadakan pada setiap tahun ini akan menjadi salah satu *jambatan* penting antara Kerajaan dan semua pihak yang terlibat dengan perancangan dan pembangunan bandar di negara ini ke arah memastikan semua program serta aktiviti yang berhubung kait dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa menjejaskan alam persekitaran kehidupan kita.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah sudi menjemput saya ke majlis "Nature's Symphony Night" pada malam ini.

Sekian, terima kasih.